

KPDNHEP Kedah rampas 3,450 unit penutup hidung

April 1, 2020 Ditulis oleh Media Baharu



SUNGAI PETANI, 1 April - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna KPDNHEP Kedah merampas 3,450 unit penutup hidung dan mulut yang disorok di sebuah rumah di Taman Kempas, Sungai Petani Kedah.

Pengarah KPDNHEP Kedah, Rae Morn Verak berkata, penutup hidung dan mulut itu disorok untuk dijual melebihi harga siling iaitu RM2.50 seunit, berbanding RM1.50 yang ditetapkan kerajaan.

"Suspek menggunakan laman sosial Facebook untuk mengiklankan penjualan topeng muka.

"Kaedah penjualan adalah melalui pesanan aplikasi Whatsapp dan barangan dihantar melalui pos," jelasnya.

Barangan rampasan dianggarkan bernilai hampir RM7,000.

Kes disiasat di bawah Seksyen 11 Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 (AKHAP2011).

<http://berita.rtm.gov.my/index.php/jenayah/17193-kpdnhep-kedah-rampas-3-450-unit-penutup-hidung>